

DEBORA wadah UMS lahir siswa celik ilmu dan kritis pemikiran: Dr Kasim

Bina keyakinan pelajar tingkat kemahiran pengucapan awam, komunikasi

UB 30.05.2024 P.09

KOTA KINABALU: Penganjuran program pengucapan awam seperti Debat Piala Orator (DEBORA) Kalike-10 anjuran Kolej Kediaman Tun Fuad (KKTF) Universiti Malaysia Sabah (UMS) adalah wadah UMS secara berterusan dalam melahirkan siswa-siswi celik berilmu tinggi dan kritis pemikiran.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Mansor berkata, program seumpama juga mampu membina keyakinan diri pelajar universiti dalam meningkatkan kemahiran pengucapan awam dan berkomunikasi.

“Program ini juga mampu meningkatkan daya fikiran dan membantu meningkatkan kreativiti siswa-siswi dalam berhujah dan memberikan pandangan.

“Sedekad penganjurannya, DEBORA dilihat telah pun berjaya melahirkan dan memupuk pelajar universiti yang berpotensi tinggi dan berkualiti, baik dari peserta mahupun ahli jawatankuasa,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan sempena perasmian dan penutupan Pertandingan Akhir DEBORA Kali ke-10 yang berlangsung secara atas talian menerusi



DEBAT: Pasukan Debat KKTF UMS dinobatkan sebagai johan pertandingan.

laman rasmi Facebook dan Youtube KKTF.

Kasim turut memaklumkan, penganjuran pertandingan debat kali ini mendapat penyertaan dari 11 Universiti Awam (UA) seluruh Malaysia dan 3 Kelab Debat dari kolej kediaman UMS sendiri.

Ia termasuklah Kelab Orator Kolej Kediaman Tun Fuad, Kelab Debat Mahasiswa Intelktual Kolej Kediaman Tun Mustapha

dan Kelab Seni Orator Kolej Kediaman Tun Pengiran Raffae.

“Syabas dan tahniah diucapkan kepada kedua-dua pasukan pendebat iaitu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Cawangan Pagoh dan pasukan pendebat KKTF yang juga mewakili UMS di peringkat akhir pertandingan DEBORA pada tahun ini.

“Program ini satu penca-

paian yang sangat membanggakan kerana sentiasa berjaya membuktikan program di bawah penganjuran kolej kediaman juga berupaya mendapat sambutan di peringkat kebangsaan.

“Selama 10 tahun penganjurannya, Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) KKTF dapat mengekalkan momentum dan kecemerlangannya dalam melahirkan bakat seni orator

dalam kalangan siswa-siswi,” jelasnya.

Pada pertandingan akhir DEBORA, Pasukan Debat KKTF UMS dinobatkan sebagai johan pertandingan, sekali gus berjaya membawa pulang hadiah kemenangan berjumlah RM1,000, selain pendebat dari pasukan KKTF UMS, Mohamad Fazli Losimin turut terpilih sebagai pendebat terbaik keseluruhan.